

28 JUN 2003

DR MAHATHIR SEMPURNAKAN UPACARA PECAH TANAH FASA KEDUA MMU

CYBERJAYA, 28 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyempurnakan upacara pecah tanah projek pembangunan fasa kedua Universiti Multimedia (MMU) kampus Cyberjaya di sini.

Projek pembangunan selama tiga tahun itu membabitkan pembinaan dua bangunan fakulti, sebuah pusat sukan tertutup, sebuah gimnasium dan sebuah pusat makanan.

Sebaik Dr Mahathir melafazkan upacara pelancaran projek pembangunan berkenaan, beliau melepaskan sekumpulan burung merpati sebagai simbol keamanan, keharmonian dan kesejahteraan Malaysia.

Turut hadir pada majlis itu ialah Canselor MMU Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie dan Presiden MMU Professr Dr Ghauth Jasmon.

Projek pembangunan fasa kedua itu dilaksanakan di kawasan seluas 40,992 meter persegi dan menelan belanja kira-kira RM80 juta.

Fasa kedua kampus MMU ini berupaya menampung 4,000 pelajar.

Universiti itu ditubuhkan pada 1996 bertujuan melahirkan graduan dalam bidang komunikasi, teknologi dan multimedia dan melatih mereka untuk lebih berinovasi, menyumbang kepada negara dalam cabaran abad baru.

Dr Mahathir turut melawat sebuah studio pengeluaran animasi tiga dimensi "persistence of vision" (POV) di situ, sebuah studio yang dibangunkan dengan kerjasama MMU dan Syarikat Double Vision Sdn Bhd.

-- BERNAMA

RIZ RV RON